

Permohonan Sistem GS1- Kategori B

Merujuk kepada permohonan untuk Sistem GS1- Kategori B oleh syarikat Tuan/Puan.

Kami ingin menegaskan bahawa Kategori B diwujudkan untuk pengusaha-pengusaha kecil yang mempunyai kurang daripada 10 produk untuk di bar kod. Pemohon Kategori B akan diperuntukkan hanya 10 nombor (GTIN) untuk yuran tahunan sebanyak **RM371.00***. Jika syarikat anda memerlukan lebih daripada 10 nombor, tambahan nombor bar kod boleh diperuntukkan, tertakluk kepada syarat-syarat. Yuran tahunan tambahan adalah **RM190.80** untuk setiap blok 10 nombor tambahan. Sebagai contoh, sekiranya syarikat anda memerlukan 30 nombor (GTIN) di bawah Kategori B, yuran tahunan yang ditetapkan adalah sebanyak **RM752.60 (RM371 + RM190.80 + RM190.80)*** berbanding dengan syarikat yang memohon Kategori A yang hanya perlu membayar sebanyak **RM667.80*** untuk kuantiti permulaan 1,000 nombor. Perlu diingatkan bahawa setiap perbezaan antara pembungkusan, perisa dan warna produk memerlukan nombor bar kod yang berlainan.

Meskipun syarikat anda boleh menukarkan keahlian daripada Kategori B ke Kategori A, syarikat anda perlu mencetak dan mereka semula label pembungkusan bagi mempamerkan nombor bar kod yang baru dibawah Kategori A. Setelah pertukaran, syarikat anda tidak boleh lagi menggunakan nombor di bawah Kategori B dan anda **MESTI** mengembalikan nombor bar kod Kategori B kepada GS1 Malaysia. Anda juga perlu memaklumkan kepada semua rakan niaga mengenai pertukaran nombor bar kod bagi produk-produk anda.

Dengan itu, kami mencadangkan agar syarikat anda dapat mempertimbangkan semula permohonan Kategori B dan memaklumkan pihak kami mengenai keputusan anda dengan menandatangani jawapan, seperti di bawah bagi membolehkan kami memproses permohonan anda.

***Semua harga termasuk 6% GST**

Yang Benar,



Han Mong Ying
GS1 Malaysia

Saya telah membaca dan memahami syarat-syarat di atas.

- Saya ingin memohon Kategori A yang memperuntukkan 1,000 nombor bar kod.
- Saya masih ingin memohon Kategori B yang memperuntukkan 10 nombor bar kod.
(Sila tanda \checkmark dan fakskan (+603 6276 1042) ataupun emel (membership@gs1my.org) jawapan anda)

Tandatangan: _____

Nama: _____

Jawatan: _____

Nama Syarikat: _____

Tarikh: _____

22 Jan 2016